

PERSATUAN SYARIKAT-SYARIKAT SEWA BELI MALAYSIA

ASSOCIATION OF HIRE PURCHASE COMPANIES MALAYSIA

Reg. No: 1925

No. 18, Lorong Medan Tuanku 1, 50300 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Tel: 03-26987684

Fax: 03-22028702

Emel: ahpcm@ahpcm.com.my

www.ahpcm.com.my

PERTANYAAN DAN ADUAN

Bahagian Penguatkuasa,
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri
Dan Kos Sara Hidup

Aras 2 & 3, No. 13, Persiaran Perdana, Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62623 PUTRAJAYA.

Tel. No. : **03 - 8882 5500**

Fax No. : 03 - 8882 6171

Talian Bebas Tol : 1-800-886-800

Email : e-aduan@kpdnkk.gov.my

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI & KEPENGGUNAAN

AKTA SEWA BELI 1967

Risiko Sambung Bayar Ansuran Sewa Beli Kenderaan



RISIKO SAMBUNG BAYAR ANSURAN SEWA BELI KENDERAAN

Urus niaga / tindakan menyambung bayar kenderaan tanpa menukar hak milik boleh mengundang masalah kepada banyak pihak, iaitu sama ada kepada:-

1) Penyewa (Pemilik Berdaftar Kenderaan)
2) Pihak Penyambung Bayar
3) Tuan Punya (Institusi kewangan)
4) Penjamin

Masalah Kepada Penyewa (Pemilik Berdaftar Kenderaan)

1) Kemungkinan berlaku penipuan sekiranya pihak penyambung bayar gagal membuat bayaran kepada tuan punya (institusi kewangan) seperti yang telah dipersetujui. Ini boleh menyebabkan penyewa (pemilik berdaftar kenderaan) disenarai hitamkan;

2) Menerima saman di atas kesalahan-kesalahan yang tidak dilakukannya; dan

3) Kemungkinan kenderaan tersebut digunakan untuk tujuan aktiviti jenayah.

Masalah Kepada Pihak Penyambung Bayar

1) Jika berlaku sebarang kemalangan yang teruk atau kenderaan tersebut dicuri, segala tuntutan insurans hanya boleh dibuat oleh penyewa (pemilik berdaftar kenderaan) sahaja. Pihak penyambung bayar tidak mempunyai hak ke atas sebarang tuntutan berkaitan kenderaan tersebut;



2) Jika ia melibatkan kerosakan teruk akibat kemalangan dan pelupusan kenderaan perlu dilakukan, maka pembayaran selepas ditolak baki pinjaman, hanya akan dibayar kepada penyewa (pemilik berdaftar kenderaan). Oleh itu pihak penyambung bayar tidak akan mendapat apa-apa bayaran; dan

3) Jika penyewa (pemilik berdaftar kenderaan) tersebut meninggal dunia, maka waris berhak menuntut kenderaan tersebut.

Masalah Kepada Tuan Punya (Institusi Kewangan)

- Menyukarkan tuan punya (institusi kewangan) untuk mengesan kenderaan jika pihak penyambung bayar mungkir/ gagal membayar ansuran kenderaan berkenaan.

Masalah Kepada Penjamin

1) Penjamin terpaksa menanggung atau menjelaskan hutang penyewa (pemilik berdaftar kenderaan) jika pihak penyambung bayar gagal menjelaskan ansuran kenderaan tersebut; dan

2) Penjamin menghadapi risiko disenarai hitamkan oleh pihak institusi kewangan.

KESALAHAN DI BAWAH AKTA SEWA BELI 1967



Seksyen 38 - Penjualan Fraud Atau Pelupusan Barang-Barang Oleh Penyewa.

Setiap orang yang, dengan pelupusan atau penjualan mana-mana barang yang terkandung dalam suatu perjanjian sewa beli, atau oleh pemindahan barang-barang, atau dengan mana-mana cara lain, memfraud atau mencuba untuk memfraud tuan punya adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini dan akan, jika disabitkan, dikenakan denda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit (RM 30,000.00) atau penjara bagi tempoh tidak lebih dari tiga tahun atau kedua-duanya.

TANGGUNGJAWAB ANDA SEBAGAI PENGGUNA

1 Jangan mengambil risiko dengan membeli atau menjual kenderaan tanpa menukar hak milik;

2 Jika menghadapi masalah untuk meneruskan pembayaran ansuran, anda dinasihatkan untuk berbincang dengan pihak institusi kewangan bagi tujuan penjadualan semula pembayaran; dan

3 Anda boleh mendapatkan khidmat nasihat dan kaunseling dari agensi-agensi yang berkaitan seperti Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK) berhubung dengan pengurusan kewangan, kredit dan pendidikan kewangan.

